



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INJOVASI

PROGRAM MTDC ROAD2GROWTH 2022 TINGKATKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI TEMPATAN INDUSTRI 4.0

SERDANG, 15 November 2022 – Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YBhg. Datuk Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim hari ini telah merasmikan program **MTDC Road2Growth Zon Tengah** di Pusat Teknologi UPM-MTDC Serdang.

Program anjuran **Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)**, agensi di bawah MOSTI, merupakan yang keenam dan terakhir dalam siri jelajah **MTDC Road2Growth 2022** selepas Sabah, Sarawak, Johor, Pulau Pinang dan Pahang. Siri jelajah ini merupakan *Signature Program* MTDC di mana objektif utamanya adalah untuk memperkenalkan produk, perkhidmatan serta teknologi tempatan dengan memberi penekanan kepada Industri 4.0 (i4.0) dan pendigitalan.

Program MTDC Road2Growth berperanan memastikan graduan, penyelidik dan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tidak ketinggalan dalam menerima manfaat serta bimbingan daripada program-program yang disediakan khususnya dalam Industri 4.0 (i4.0) dan pendigitalan. Para peserta turut didedahkan dengan cara mengadaptasi penggunaan teknologi dalam perniagaan mereka.

Dalam ucapan perasmiannya, YBhg. Datuk Ts Dr. Aminuddin bin Hashim menekankan bahawa matlamat untuk menjadi negara berteknologi tinggi memerlukan kerjasama daripada semua pihak dan merangkumi keseluruhan rantaian nilai khususnya para graduan yang merupakan tonggak negara.

“Mereka (para graduan) harus melengkap diri dengan ilmu pengetahuan mengikut kepesatan perubahan teknologi. Globalisasi dan i4.0 akan mengubah masa hadapan pekerjaan disebabkan banyak pekerjaan yang sedia ada tidak lagi akan wujud. Justeru, graduan perlu kritis dan inovatif bagi mendepani i4.0,” katanya.

Pada program MTDC Road2Growth Zon Tengah ini, MTDC bersama-sama syarikat ekosistemnya yang terdiri daripada rakan niaga Co9P® dan syarikat penerima dana Inovasi *Sandbox* Teknologi Nasional (NTIS) turut mengadakan Pameran Solusi i4.0 di *Experience Hub*. Pameran berbentuk i4.0 ini mengetengahkan teknologi robotik, automasi, pencetakan 3D, realiti perantaraan, pertanian pintar dan teknologi dron.

Para peserta turut berpeluang mendengar penerangan dan mendapatkan maklumat secara terus sepanjang program ini seperti 'Landskap Modal Teroka di Malaysia', 'Cabaran Pembiayaan Dalam Kalangan Syarikat Berteknologi', 'Kenapa Anda Perlu Menjadi Rakan Co9P?', 'Meningkatkan Skala Perniagaan Syarikat' dan 'Hari Terbuka Kerjaya'.

Ketua Eksekutif MTDC, YBhg. Dato' Norhalim Yunus berkata acara tahunan ini adalah sebuah platform bagi usahawan dan graduan untuk mendapat informasi mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh MTDC dan memperkenalkan syarikat ekosistemnya. Peserta dapat bersemuka dengan MTDC untuk mendapat khidmat nasihat perniagaan, mencari peluang-peluang perniagaan dan kerjasama baharu dengan pihak industri yang memberikan bimbingan dalam mengadaptasikan teknologi terutama berkaitan industri 4.0 dalam perniagaan mereka.

Penggunaan teknologi sudah terbukti meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos, menambah pendapatan syarikat serta meningkatkan asas pelanggan dan berjaya berhadapan dengan persaingan. Kerjasama yang terjalin antara MTDC dengan usahawan, penyelidik, para academia dan agensi kerajaan dapat membantu usahawan untuk menaik taraf perniagaan mereka melalui solusi dan inovasi teknologi tempatan.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

15 NOVEMBER 2022

Mengenai MTDC

Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC) telah ditubuhkan pada Mac 1992. Ia telah di beri mandat untuk membina syarikat Malaysia berasaskan teknologi bertaraf dunia melalui penawaran bersepadunya; Pelaburan Strategik, Center of 9 Pillars™ (Co9P™) berfokuskan pada Industri 4.0, Akademi Latihan Teknopreneur (TENTRA), Pusat Teknologi MTDC dan perkhidmatan Nasihat & Nilai tambah yang memberi fokus kepada syarikat PKS dalam sektor teknologi.

Sebagai pelabur strategik dengan gabungan tawaran bersepadunya, MTDC telah mencapai pelbagai kejayaan dalam membina syarikat teknologi Malaysia ke pasaran awam melalui Tawaran Awam Permulaan (IPO) di Malaysia dan bursa di seluruh dunia. Co9P MTDC, TENTRA, Pusat Teknologi dan Nasihat & Nilai Tambahnya menyediakan kemudahan dan sokongan strategik dalam teknologi, bakat, pembinaan perniagaan dan pengembangan pasaran, membawa nilai kepada syarikat ekosistemnya untuk pertumbuhan.

Untuk info lanjut, layari www.mtdc.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi

Jabatan Komunikasi MTDC:

Alvirah Mohd Natt – Naib Presiden Komunikasi

017 212 2802; alvirah@mtdc.com.my